



PELAN PENGURUSAN POKOK RENDANG

JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP & REKREASI

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



PELAN PENGURUSAN POKOK RENDANG WP KUALA LUMPUR

JANUARI 2019

Hak Ciptak Terpelihara

©Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan pelan pengurusan ini dalam apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tingkat 19, Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah,
50300 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 - 2317 6429
Email: jlr@dbkl.gov.my

PRAKATA DATUK BANDAR

Pokok adalah merupakan elemen penting dalam penyerapan gas karbon dioksida. Menurut fakta, dalam setahun, sebatang pokok rendang yang matang boleh menyerap gas karbon dioksida yang dikeluarkan oleh kenderaan yang bergerak sejauh 26,000 batu. Justeru itu, untuk mencapai matlamat Masyarakat Rendah Karbon menjelang tahun 2030, DBKL sentiasa berusaha keras untuk menanam dan mengekal pokok-pokok rendang di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur serta memastikan pokok ini sentiasa berada dalam keadaan baik.

Namun begitu, kehadiran pokok-pokok rendang ini dilihat menjadi ancaman kepada wargakota khususnya kepada pokok-pokok yang besar dan matang. Kegagalan fungsi pokok menjadikan wargakota trauma dengan adanya pokok rendang di kawasan berhampiran mereka. Ini ditambah lagi dengan kejadian pokok tumbang yang menyebabkan kehilangan nyawa serta kerosakan kepada harta benda. Faktor ini berlaku bukan kerana disebabkan kepada faktor usia pada pokok tetapi keadaan fizikal pokok yang terganggu oleh aktiviti-aktiviti yang boleh mencederakan serta merosakkan struktur pada pokok tersebut.

Lanjutan daripada itu, DBKL telah merangka Pelan Pengurusan Pokok Rendang dalam membantu bukan sahaja DBKL malah juga kepada semua agensi yang terlibat dalam mengurus pokok-pokok rendang di kawasan Kuala Lumpur. Ini termasuklah menanam, menyelenggara serta mengurus pokok-pokok rendang ini agar ianya dapat memberi manfaat serta mengelakkan menjadi ancaman kepada nyawa dan harta benda.

Adalah menjadi harapan saya agar pelan ini akan menjadi rujukan kepada bukan sahaja jabatan-jabatan dalaman DBKL malahan juga kepada agensi-agensi luar yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam mengurus pokok rendang di Kuala Lumpur.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Pelan Pengurusan Pokok Rendang ini sama ada jabatan dalaman DBKL maupun agensi luar yang sentiasa komited dalam usaha ini.

Sekian.

Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan D.P.M.S, S.M.S
Datuk Bandar Kuala Lumpur

KANDUNGAN

PRAKATA DATUK BANDAR	i
ISI KANDUNGAN	ii-iii
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	02
1.2 Punca Kuasa	03
1.3 Struktur Pelan Pengurusan Pokok Rendang	04
1.4 Visi dan Misi	05
1.5 Prinsip dan Matlamat	06-07
2.0 DASAR & POLISI	
2.1 Latarbelakang	09
2.2 Matlamat	09
2.3 Skop	09
2.4 Perancangan (Polisi Kawalan Landskap)	10
2.5 Penyelenggaraan (Polisi Pengurusan & Penyelenggaraan)	11
2.6 Penggubahan Awam dan Pendidikan Hijau (Polisi Pendidikan Hijau)	12
3.0 GARIS PANDUAN PENANAMAN POKOK RENDANG TEPIAN JALAN BANDARAYA KUALA LUMPUR	
3.1 Latarbelakang	14
3.2 Matlamat	15
3.3 Skop	16
3.4 Ruang Penanaman Pokok-Pokok Tepian Jalan	16-32
3.5 Kaedah Rekabentuk Ruang Penanaman	33-40
3.6 Senarai Pokok Cadangan	41-47
3.7 Penggantian Pokok	48-50

4.0	PELAN PENYELENGGARAAN POKOK RENDANG	
4.1	Latarbelakang	52
4.2	Matlamat	53
4.3	Skop	53
4.4	Pelantikan Individu Yang Berkelayakan Dan Kompeten	54
4.5	Pengurusan Pokok Berisiko	55-64
4.6	Panduan Penyelenggaraan Pokok Rendang	65-71
4.7	Pembangunan Sistem Inventori	72-77

KUMPULAN KAJIAN

iv-v

Bahagian 1.0

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pelan Pengurusan Pokok Rendang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah Pelan Strategik yang diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi (JPLR) DBKL sebagai suatu Dasar, Garispanduan dan Tatacara yang komprehensif berkenaan dengan Pengurusan Lanskap di Bandaraya Kuala Lumpur. Penggubalan Pelan Strategik ini adalah untuk memastikan urus tadbir Lanskap khususnya pengurusan pokok dibawah seliaan JPLR bersistematis dan berkesan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyokong dan memperkasa salah satu daripada ‘5 Matlamat’ yang dibentuk dalam Pelan Strategik DBKL iaitu untuk Mewujudkan Bandaraya Eko. Justeru, penggubalan Pelan Strategik ini dilihat mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan lanskap yang mampan dalam memacu Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Lestari bertaraf Antarabangsa.



1.2 PUNCA KUASA

Punca Kuasa Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi DBKL bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab adalah tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut:

1.2.1 Akta-akta:

- Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267)
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
 - Undang-Undang Kecil Taman (WPKL) 2012

1.2.2 Dasar dan Garis Panduan:

- Dasar Lanskap Negara, Jabatan Lanskap Negara(*JLN*), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (*KPKT*)
- Garis Panduan Lanskap Negara Edisi 2 (*JLN*)
- Panduan Penanaman Pokok Teduhan (*JLN*)
- Manual Pemangkasan Pokok Ameniti (*JLN*)
- Serangga Perosak Pokok Ameniti (*JLN*)
- Kesan Abiotik Terhadap Pokok Ameniti (*JLN*)
- Pengurusan dan Penyakit Utama Pokok Ameniti Melalui Kawalan Kimia (*JLN*)
- Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Lanskap(*JLN*)
- Penyakit Utama Pokok Ameniti (*JLN*)

1.3 STRUKTUR PELAN PENGURUSAN POKOK RENDANG DBKL




1.4 VISI DAN MISI

VISI

Ke Arah Merealisasikan Kuala Lumpur Sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari Menjelang 2030

MISI

Pembangunan Lanskap Bandar yang indah, bersih dan kemas dengan ciri-ciri rekabentuk pengindahan yang dinamik dan menyeluruh bagi kepuasan semua warga kota dan pelancong



1.5 PRINSIP DAN MATLAMAT

1.5.1 PRINSIP

Terdapat tiga (3) Prinsip yang digunakan bagi tujuan Pemantapan Pengurusan Pokok Rendang adalah seperti berikut:

PRINSIP

1

Memantapkan dasar/polisi pengurusan pokok rendang sedia ada serta pematuhan dalam melaksanakannya

PRINSIP

2

Merangka satu ketetapan garis panduan penanaman pokok di ruang hijau yang perlu dipatuhi setiap pihak yang berkepentingan

PRINSIP

3

Mewujudkan prosedur penyelenggaraan yang melibatkan pengekalan, penebangan maupun pengalihan pokok rendang mengikut amalan terbaik arborikultur

1.5.2 MATLAMAT

PRINSIP 1

Memantapkan dasar/polisi pengurusan pokok rendang sedia ada serta pematuhan dalam melaksanakannya

PRINSIP 2

Merangka satu ketetapan garis panduan penanaman pokok di ruang hijau yang perlu dipatuhi setiap pihak yang berkepentingan

PRINSIP 3

Mewujudkan prosedur penyelenggaraan yang melibatkan pengekalan, penebangan mahupun pengalihan pokok rendang mengikut amalan terbaik arborikultur

MATLAMAT 1

Penggubalan satu iltizam dalam memberi hala tuju strategik bagi rujukan setiap pihak berkepentingan

MATLAMAT 2

Pemudah cara untuk mendapatkan keputusan dalam pengurusan supaya lebih konsisten dan berkesan

MATLAMAT 3

Menambahbaik urus tadbir landskap dan pengurusan pokok rendang dalam meningkatkan kualiti dan kesihatan pokok di bandaraya

MATLAMAT 1

Memastikan jenis-jenis zon atau ruang penanaman yang terdapat di dalam kawasan bandar mempunyai ruang penanaman yang mencukupi dan bersesuaian

MATLAMAT 2

Menyediakan teknik penanaman di kawasan-kawasan yang berbeza keadaan persekitaran dan keluasan ruang penanaman

MATLAMAT 3

Menyediakan pilihan rekabentuk yang selamat untuk diperaktikkan di dalam kerja-kerja penanaman

MATLAMAT 4

Mengoptimakan penggunaan kawasan hijau

MATLAMAT 5

Menyediakan cadangan pilihan spesies yang sesuai berdasarkan kepada jenis zon atau ruang penanaman yang terdapat di dalam kawasan bandar

MATLAMAT 1

Sebagai rujukan kepada Jabatan dalaman DBKL, Agensi Kerajaan dan swasta serta pihak berkepentingan

MATLAMAT 2

Meningkatkan kualiti landskap dan persekitaran di kawasan perbandaran

MATLAMAT 3

Menyediakan persekitaran yang selamat di kawasan pentadbiran DBKL

MATLAMAT 4

Memastikan pokok rendang, hutan Bandar dan kawasan hijau diuruskan secara mampan

Bahagian 2.0

DASAR DAN POLISI

2.1 LATAR BELAKANG

Pengurusan pokok rendang adalah salah satu tanggungjawab penting di Bandaraya Kuala Lumpur. Ia bagi memastikan pembangunan fizikal berjalan sejajar dengan perlindungan alam sekitar. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengelakkan perkara tidak diingini berlaku yang boleh memudaratkan orang awam. Mewujudkan polisi adalah perkara pertama yang dikenalpasti dalam memastikan urus tadbir pengurusan pokok menjadi lebih tersusun dan berkesan. Polisi ini digunakan sebagai peraturan yang wajib dirujuk dan digunakan oleh setiap pihak berkepentingan seperti jabatan-jabatan dalaman DBKL, pemaju, agensi-agensi kerajaan dan swasta dan orang awam apabila melaksanakan kerja yang berkenaan dengan pokok rendang.

2.2 MATLAMAT

Tiga (3) matlamat telah digariskan bagi mencapai Prinsip 1 dalam Pelan Pengurusan Pokok Rendang DBKL, iaitu:

- A** Penggubalan satu iltizam dalam memberi hala tuju strategik bagi rujukan setiap pihak berkepentingan
- B** Pemudah cara untuk mendapatkan keputusan dalam pengurusan supaya lebih konsisten dan berkesan
- C** Menambahbaik urus tadbir landskap dan pengurusan pokok rendang dalam meningkatkan kualiti dan kesihatan pokok di bandaraya

2.3 SKOP

Bab ini meliputi Pernyataan Polisi yang terbahagi kepada tiga (3) bahagian mengikut proses merangkumi Perancangan (Polisi Kawalan Landskap), Penyelenggaraan (Polisi Pengurusan dan Penyelenggaraan) dan Penglibatan Awam dan Pendidikan (Polisi Program Pendidikan Hijau).

2.4 PERANCANGAN (POLISI KAWALAN LANDSKAP)

- 2.4.1 Menggunakan Garis Panduan Perancangan Keperluan Mengemukakan Permohonan Kelulusan Pembangunan Landskap dan Garis Panduan penanaman pokok rendang tepian jalan Bandaraya Kuala Lumpur dalam Permohonan Pelan Landskap.
- 2.4.2 Menggunakan Garis Panduan Perancangan Keperluan Mengemukakan Permohonan Kelulusan Penebangan/ Pengalihan dan Cantasan Pokok untuk kerja-kerja Penebangan/ Pengalihan/ Cantasan lengkap bersama laporan seperti *Tree Conservation and Landscape Management Report* (TCLM) / *Environment Quality Management* (EQM) / *Tree Protection Plan* (TPP) oleh ahli profesional bertauliah.
- 2.4.3 Pematuhan kepada *Malaysia Standard Landscape Planting Material – Tree Specification MS 2603:2015* (SIRIM) dan Panduan Penanaman Pokok Teduhan (Jabatan Landskap Negara) bagi kerja-kerja pemilihan dan penanaman pokok teduhan.
- 2.4.4 Mewujudkan Sistem Pangkalan Data Pokok yang sistematik dan komprehensif- mensyaratkan pemaju memuatnaik data pokok dalam setiap pembangunan yang diluluskan.
- 2.4.5 Mendapatkan ulasan dan laporan bertulis daripada Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi dalam Permohonan Kelulusan Pelan Landskap sebelum sesuatu kelulusan pelan landskap dikeluarkan
- 2.4.6 Mengemukakan Pelan Konsep Landskap bersama permohonan Kebenaran Merancang.

2.5 PENYELENGGARAAN (POLISI PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN POKOK)

- 2.5.1 Menguatkuasakan Perintah Pemeliharaan Pokok di bawah Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) dan mematuhi SOP Pelan Pengurusan Pokok Rendang DBKL
- 2.5.2 Memastikan pokok-pokok sediada berada dalam keadaan baik dengan membuat seliaan melalui Penilaian Pokok dan kerja-kerja penyelenggaraan pokok secara berkala dan berterusan mengikut prosedur ditetapkan.
- 2.5.3 Menyediakan Sistem Pengkalan Data yang sistematik dan komprehensif merujuk keadaan pokok sediada dan terkini
- 2.5.4 Memastikan kakitangan dan kontraktor yang dilantik terdiri daripada profesional yang berkemahiran dan pakar dalam bidang penyeliaan pokok mengikut amalan Arborikultur.
- 2.5.5 Mengenalpasti dan mewujudkan SOP pengurusan dan pengekalan pokok warisan serta pokok rendang berisiko

2.6 PENGLIBATAN AWAM DAN PENDIDIKAN (POLISI PROGRAM PENDIDIKAN HIJAU)

- 2.6.1 Merangka strategi dalam memberi pendidikan kepada wargakota terhadap kepentingan pokok.
- 2.6.2 Meningkatkan penglibatan wargakota dalam aktiviti/ program penjagaan dan pemeliharaan pokok
- 2.6.3 Mewujudkan program kesedaran kepentingan pokok di kalangan awam dan swasta
- 2.6.4 Mewujudkan skim penajaan pokok oleh pihak swasta dan awam
- 2.6.5 Menyediakan latihan berkala dan berterusan kepada kakitangan DBKL dan kontraktor yang dilantik
- 2.6.6 Menyediakan sistem pemantauan keberkesanan amalan arborikutur di kalangan DBKL dan kontraktor

BAHAGIAN 3.0

GARIS PANDUAN

PENANAMAN POKOK

RENDANG TEPIAN

JALAN

3.1 LATAR BELAKANG

Pengurusan perbandaran kini menuntut keperluan pembangunan yang harmoni dengan menekankan corak pembangunan Bandar Lestari sebagai memenuhi masyarakat terkini di kawasan bandar. Landskap adalah merupakan komponen terpenting yang berperanan besar di dalam menawarkan elemen – elemen kesejahteraan di dalam satu perbandaran. Hasil dari komponen tersebut, maka wujudnya kawasan yang terhias indah, bersih, menarik dan selesa untuk digunakan. Selari dengan itu, aktiviti penanaman pokok turut berjalan bagi memberi impak yang diharapkan selain meningkatkan keselesaan pengguna di sekitar kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

Memandangkan penanaman pokok di kawasan Bandar terdedah kepada cabaran akibat kepelbagaian bentuk gangguan yang wujud di persekitaran tapak seperti keluasan ruang penanaman yang terhad, tanah tapak yang berkualiti rendah, tanah yang mampat serta persaingan kepentingan terhadap struktur dan kemudahan awam yang sediada, maka adalah perlu untuk disediakan satu garis panduan yang praktikal bagi semua mereka yang terlibat seperti Arkitek Landskap, Jurutera, Arborist, Pegawai Perancang Bandar serta lainnya untuk merujuk dan menggunakan di dalam proses perancangan dan perlaksanaan pembangunan bandar.



Gambarajah 3.1 Keadaan Siarkaki yang rosak disebabkan akar pokok dan gambar aerial menunjukkan Penanaman pokok di kawasan pusat bandaraya adalah terhad dan berhampiran dengan struktur binaan

3.2 MATLAMAT

Lima (5) matlamat telah digariskan bagi mencapai Prinsip 2 iaitu merangka satu Garis Panduan Penanaman Pokok di ruang hijau yang perlu dipatuhi setiap pihak yang berkepentingan di dalam Pelan Pengurusan Pokok Rendang DBKL, iaitu:

- A.** Memastikan jenis-jenis zon atau ruang penanaman yang terdapat di dalam kawasan bandar mempunyai ruang penanaman yang mencukupi dan bersesuaian;
- B** Menyediakan teknik penanaman di kawasan-kawasan yang berbeza keadaan persekitaran dan keluasan ruang penanaman;
- C** Menyediakan pilihan rekabentuk yang selamat untuk diperaktikkan di dalam kerja-kerja penanaman;
- D.** Mengoptimakan penggunaan kawasan hijau;
- E** Menyediakan cadangan pilihan spesies yang sesuai berdasarkan kepada jenis zon atau ruang penanaman yang terdapat di dalam kawasan Bandar.



Gambarajah 3.2 Penanaman Pokok di pembahagi jalan perlu mempunyai ruang yang cukup

3.3 SKOP

Di dalam bab ini akan membincangkan garis panduan penanaman pokok rendang tepian jalan di Kuala Lumpur yang meliputi topik ruang penanaman pokok tepian jalan, kaedah rekabentuk ruang penanaman, senarai cadangan pokok serta kaedah penggantian pokok. Garispanduan ini selari dengan Garispanduan Landskap Negara Edisi 2 (JLN) dan Panduan Penanaman Pokok Teduhan (JLN).

3.4 RUANG PENANAMAN POKOK - POKOK TEPIAN JALAN

Terdapat sekurang-kurangnya Lima (5) kategori ruang penanaman yang terdapat di dalam kawasan bandar. Ruang-ruang ini telah diklasifikasikan mengikut keluasan atau Kelebaran Koridor Penanaman (KKP) yang diperuntukkan di tepi jalan-jalan utama atau terpilih di kawasan-kawasan berkenaan. Perbezaan keluasan ini dipengaruhi oleh saiz rezab jalan yang tersedia ada atau rekabentuk asal laluan berkenaan di peringkat awal-awal pembangunannya Kategori Ruang Penanaman (RP) yang dimaksudkan ini adalah seperti berikut:

- a) RP 01 : KKP (<500mm)
- b) RP 02 : KKP (501mm – 1000mm)
- c) RP 03 : KKP (1001mm – 2000mm)
- d) RP 04 : KKP (>2000mm)
- e) RP 05 : lain-lain ruang




Gambarajah 3.3 Penanaman Pokok di median jalan

3.4.1 RP 01: KKP (<500mm)

Cadangan rekabentuk:


- Hanya pokok renek sahaja yang ditanam bagi ruang penanaman ini.
- Boleh ditanam sama ada menggunakan rekabentuk dua lapisan pokok renek atau hanya satu jenis sahaja. Contoh pokok renek: *Murraya paniculata*, *Ixora 'Sunkist'*, *Excoecaria cochinchinensis*, *Loropetalum chinense*, dan lain-lain lagi.
- Sekiranya anti climb perlu digunakan, ia perlu diletakkan di bahagian dalam iaitu bersebelahan dengan pejalan kaki.



3.4.2 RP 02: KKP (501mm – 1000mm)

Cadangan rekabentuk:


- Bagi ruang penanaman ini pokok bersaiz kecil boleh ditanam. (Rujuk bab 5.0 untuk melihat cadangan spesis bagi kategori ruang ini).
- Sekiranya ruang penanaman adalah kurang daripada 800mm, penanaman pokok perlulah dianjak sedikit ke arah laluan siarkaki dan pengubahsuai media tanaman di bawah laluan pejalan kaki menggunakan kaedah ruang penanaman tertutup perlu dilakukan (Rujuk bab 5.2).



3.4.3 RP 03: KKP (1001mm – 2000mm)

Cadangan rekabentuk:


- a) Bagi ruang penanaman ini, pokok bersaiz kecil dan sederhana boleh ditanam.
- b) Pengubahsuaian media di bawah pavement merujuk pada bab 4.2
- c) Beberapa rekabentuk atau kaedah penanaman adalah digariskan seperti sub topik berikutnya.



3.4.4 RP 04: KKP (>2000mm)

Cadangan rekabentuk:

- a) Bagi ruang penanaman ini, pokok bersaiz sederhana dan/ atau besar boleh ditanam
- b) Bagi ruang yang mencukupi kelebarannya, pokok-pokok boleh ditanam di dalam dua barisan atau lapisan (layer).
- c) Boleh juga disertakan dengan penanaman pokok renek jika perlu/ bersesuaian.



3.4.5 RUANG PENANAMAN POKOK MENGIKUT KATEGORI REZAB JALAN DI KUALA LUMPUR

Rekabentuk dan pembinaan jalan-jalan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur adalah sedikit berbeza berbanding kawasan lain memandangkan kawasan bandaraya telah membangun dan mempunyai ruang yang terhad.

Sub topik ini akan menggariskan beberapa panduan rekabentuk bagi ruang penanaman mengikut saiz rezab jalan.

Terdapat beberapa saiz rezab jalan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang telah dikategorikan oleh Jabatan Perancangan Infrastruktur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seperti berikut:

- a) Rezab Jalan 40' / 12m
- b) Rezab Jalan 50' / 15m
- c) Rezab Jalan 66' / 20m
- d) Rezab Jalan 80' / 24m
- e) Rezab Jalan 100' / 30m
- f) Rezab Jalan 132' / 40m




Gambarajah 3.4 Ruang Penanaman di tepian jalan

a) Ruang Penanaman Tipikal Bagi Rezab Jalan 40'

ALTERNATIF 1

- i. Laluan siarkaki dibina di sebelah satu sisi jalan sahaja.
- ii. Penyediaan kekotak tanaman sebagai kaedah ruang penanaman pokok.




PELAN TIPIKAL REZAB JALAN 40'

KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 40'

ALTERNATIF 2

- i. Laluan siarkaki dibina di kedua-dua sisi jalan.
- ii. Ruang penanaman berada di kedua-dua sisi jalan.




PELAN TIPIKAL REZAB JALAN 40' ALTERNATIF 2

KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 40' ALTERNATIF 2

b) Ruang Penanaman Tipikal Bagi Rezab Jalan 50'

ALTERNATIF 1

- i. Laluan siarkaki dibina di sebelah satu sisi jalan sahaja.
- ii. Penyediaan ruang penanaman pokok di sebelah satu sisi jalan.




PELAN TIPIKAL REZAB JALAN 50'

KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 50'

ALTERNATIF 2

- i. Laluan siarkaki dibina di kedua-dua sisi jalan.
- ii. Ruang penanaman berada di kedua-dua sisi jalan




PELAN TIPIKAL REZAB JALAN 50' ALTERNATIF 2


KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 50' ALTERNATIF 2

c) Ruang Penanaman Tipikal Bagi Rezab Jalan 66'

- i. Laluan siarkaki berada di kedua-dua sisi jalan.
- ii. Pokok renek juga boleh ditanam di antara pokok rendang




PELAN TIPIKAL REZAB JALAN 66'




KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 66'

d) Ruang Penanaman Tipikal Bagi Rezab Jalan 80'

- i. Laluan siarkaki berada di kedua-dua sisi jalan
- ii. Penyediaan ruang penanaman pokok di kedua-dua sisi jalan.
- iii. Pokok renek juga boleh ditanam di antara pokok rendang.




PELAN TIPIKAL REZAB JALAN 80'




KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 80'

e) Ruang Penanaman Tipikal Bagi Rezab Jalan 100'

- i. Laluan siarkaki berada di kedua-dua sisi jalan
- ii. Penyediaan ruang penanaman pokok di sisi kiri dan kanan jalan.
- iii. Penanaman pokok palma, pokok bersaiz kecil atau sederhana dan berbentuk konifer atau pokok renek boleh ditanam di median jalan







KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 100'

f) Ruang Penanaman Tipikal Bagi Rezab Jalan 132'

- i. Laluan siarkaki berada di kedua-dua sisi jalan
- ii. Penyediaan ruang penanaman pokok di sisi kiri dan kanan jalan.
- iii. Penanaman pokok palma, pokok bersaiz kecil atau sederhana dan berbentuk konifer atau pokok renek boleh ditanam di median jalan.



PELAN TIPIKAL REZAB JALAN 132'



KERATAN RENTAS TIPIKAL REZAB JALAN 132'

3.5 KAE DAH REKABENTUK RUANG PENANAMAN

Beberapa kaedah penanaman boleh diaplikasikan untuk **mengoptimumkan** penggunaan kawasan hijau di dalam bandar lama tertumpu kepada penanaman pokok-pokok utama ataupun pokok-pokok rendang yang ditanam di pinggiran jalan.

Penanaman ini pastinya membabitkan penggunaan ruang yang telah disediakan mahupun yang bakal dirancang untuk tujuan berkenaan. Sebagai panduan mudah rekabentuk ruang penanaman ini telah dibahagikan kepada 3 jenis ruang atau koridor penanaman. Ruang- ruang penanaman ini terdiri daripada :

- a) Ruang Penanaman Terbuka
- b) Ruang Penanaman Tertutup
- c) Ruang Laluan Akar
- d) Gabungan Kaedah Rekabentuk Penanaman

Bagi kaedah Ruang Penanaman Tertutup ini pula boleh dilaksanakan dengan dua pendekatan iaitu:




Gambarajah 3.5 Ruang penanaman sedia ada di Bandaraya Kuala Lumpur yang tidak wajar dipraktikkan

Bagi kaedah

- i) Penggunaan 'structural soil' – campuran batu kecil dan tanah
- ii) Penggunaan 'soil cells'.

a) RUANG PENANAMAN TERBUKA

- i. Kawasan penanaman tidak ditutup oleh 'pavement' dan mengelilingi pokok dan pokok renek yang ditanam. Kawasan yang terbuka ini boleh dilengkapkan dengan penanaman penutup bumi ataupun tumbuhan renek.
- ii. Mengandungi tanah asal atau baharu.
- iii. Ruang penanaman terbuka ini membantu pengaliran air hujan dan air dari permukaan sekeliling ke dalam tanah.




Gambarajah 3.6 Contoh pelan tipikal menunjukkan kaedah pelaksanaan ruang penanaman terbuka di tepian jalan yang boleh dipraktikkan di Bandaraya Kuala Lumpur



Gambarajah 3.7 Contoh-contoh ruang penanaman terbuka yang ditanam dengan pokok, pokok renek atau tumbuhan penutup bumi.

3.5.2 RUANG PENANAMAN TERTUTUP

- i. Ruang tanaman yang ditutup sebahagiannya dengan 'pavement' yang direkabentuk khas untuk pertumbuhan akar.
- ii. Kaedah rekabentuk adalah termasuk penggunaan 'structural soil' dan 'soil cells'.
- iii. Pelbagai jenis 'pavements' boleh digunakan termasuk yang telap atau tidak telap air. Contohnya seperti 'granite cobbles', 'pavers block' atau lain-lain yang perletakkannya perlulah mempunyai ruang di antara satu sama lain untuk membenarkan aliran air ke dalam tanah. Tree grating boleh digunakan untuk menutup permukaan tanah selagi mana tidak mengganggu tumbesaran pokok.



Gambarajah 3.8 Contoh pelan tipikal menunjukkan kaedah pelaksanaan ruang penanaman tertutup di tepian jalan yang boleh dipraktikkan di Bandaraya Kuala Lumpur




Gambarajah 3.9 Contoh-contoh ruang penanaman terbuka yang ditanam dengan pokok, pokok renek atau tumbuhan penutup bumi.

Bagi kaedah Ruang Penanaman Tertutup ini pula boleh dilaksanakan dengan dua pendekatan iaitu :

- I. Penggunaan 'structural soil' – campuran batu kecil dan tanah
- II. Penggunaan 'soil cells'.

3.5.3 STRUCTURAL SOIL


'Structural soil' merupakan campuran antara batu-batu seperti 'crusher run' dan tanah (rujuk gambar kiri) digunakan untuk menyokong pembinaan 'pavement', pejalan kaki. Kaedah ini mengekalkan ruang tanah yang ideal untuk tumbesaran akar pokok. Structural soil ini diletakkan di bawah kawasan yang bakal ditutup dan dipadatkan semasa proses pembinaan. Akar pokok tumbuh di antara ruang-ruang batu tersebut.



Gambarajah 3.10 Contoh-contoh ruang penanaman tertutup menggunakan 'structural soil'.

3.5.4 'SOIL CELLS'


'Soil cells' merupakan struktur plastik yang direkabentuk untuk diisi dengan tanah sebelum ditutupi 'pavement'. Dalam kaedah ini akar pokok akan tumbuh di dalam tanah yang tidak padat di antara struktur sokongan ini (rujuk imej kiri)



Gambarajah 3.11 Contoh-contoh ruang penanaman tertutup menggunakan 'soil cells'

3.5.5 RUANG LALUAN AKAR

1. Laluan akar yang dibina untuk pengudaraan atau laluan pengairan bagi membantu pertumbuhan serta perkembangan akar di bawah 'pavement' untuk mencari ruang tanah yang lebih baik di bawahnya.
2. Kelebihan kaedah ini adalah ia akan membolehkan akar-akar ini berhubung dengan ruang tanaman lain yang berdekatan. ini boleh mengelakkan kejadian akar terbantut atau berputar di ruang penanamannya sahaja.




Gambarajah 3.12 Contoh pelan tipikal menunjukkan kaedah pelaksanaan ruang laluak akar di tepian jalan yang boleh dipraktikkan di Bandaraya Kuala Lumpur




Gambarajah 3.14 Contoh-contoh ruang liang akar

1. Kaedah penanaman ini boleh digabungkan melalui beberapa cara untuk mengoptimumkan jumlah tanah yang diperlukan untuk pertumbuhan akar.
2. Ruang tanaman terbuka boleh digabungkan dengan ruang tanaman tertutup, sementara laluan akar boleh menghubungkan ruang tanah dengan ruang tanaman hijau.
3. Kaedah gabungan ini boleh diselaras dan disesuaikan dengan utiliti dan elemen perabot landskap yang lain.


RUANG TANAMAN TERBUKA DAN TERTUTUP



RUANG TANAMAN TERBUKA YANG DIHUBUNGKAN DENGAN RUANG TANAMAN HIJAU



RUANG TANAMAN TERTUTUP YANG DIHUBUNGKAN DENGAN RUANG TANAMAN HIJAU



Gambarajah 3.15 Contoh-contoh bentuk gabungan kaedah rekabentuk penanaman

3.5.7 ROOT BARRIER

Root barrier digunakan untuk menghalang konflik antara akar pokok dan infrastruktur seperti jalan, siarkaki dan longkang. Pemasangan root barrier ini sebaiknya dipasang berdekatan dengan struktur bagi mengelakkan kerosakan akibat gangguan akar.



Minimum
kedalaman root
barrier adalah 1
meter


Contoh penggunaan root barrier yang salah

Contoh penggunaan root barrier yang betul

Gambarajah 3.16 Contoh penggunaan root barrier yang sesuai

3.6 SENARAI POKOK CADANGAN

Pemilihan pokok yang bersesuaian dengan ruang mengambil kira kriteria seperti mempunyai bentuk yang tidak terlalu besar dan lebar, mengikut kesesuaian lokasi penanaman. Spesis yang dicadangkan juga perlulah lebih memberi penekanan kepada spesis tempatan bagi menggalakkan kepelbagaian spesis tempatan di dalam rekabentuk landskap bandar. Walau bagaimanapun, spesis-spesis bukan tempatan yang sesuai di atas faktor-faktor tertentu seperti struktur bentuk yang tegap, mempunyai sistem akar yang tidak invasif, kedayatahan penyakit, serta mempunyai elemen estetik boleh digunakan. Cadangan spesis ini boleh digunakan sebagai panduan untuk penanaman di tepian jalan.



POKOK BERSAIZ (MATURED SIZE) KECIL <15M

Jarak Penanaman Antara Pokok untuk Penanaman Jajaran Jalan = 6 - 8m

No	Spesis		Bentuk Pokok / Tree Form					Kadar Tumbesaran / Growth Rate		Special Botanical characteristics		
	Nama Botani / Botanical Name	Nama Biasa / Common Name	Cone	Oblong	Pagoda	Spread	Round	Perlahan	Sederhana	Cepat	Berbunga Daun berwarna/ unik	Batang/ bark
1	<i>Ardisia elliptica</i>	Mata Pelanduk		/					/		/	
2	<i>Arfeuillea arborescens</i>	Hop Tree					/			/		
3	<i>Bauhinia x blakeana</i>	Hong Kong Orchid Tree/ Butterfly Tree				/			/		/	/
4	<i>Brachychiton acerifolius</i>	Australian Flame Tree	/						/		/	/
5	<i>Calliandra tergemina</i> var. <i>emarginata</i>	Powderpuff Plant							/		/	
6	<i>Citharexylum spinosum</i>	Fiddle-wood	/							/	/	/
7	<i>Cordia sebestena</i>	Geiger Tree					/	/			/	
8	<i>Dillenia indica</i>	Indian Simpoh		/				/			/	/
9	<i>Dillenia philippinensis</i>	Philippine Catmon					/	/			/	/
10	<i>Elaeocarpus mastersii</i>	Small-leaved Oil Fruit		/					/			/
11	<i>Erytrina fusca</i>	Coral Tree				/			/		/	

POKOK BERSAIZ (MATURED SIZE) KECIL <15M

Jarak Penanaman Antara Pokok untuk Penanaman Jajaran Jalan = 5 - 8m

No	Spesis		Bentuk Pokok / Tree Form					Kadar Tumbesaran / Growth Rate		Special Botanical characteristics		
	Nama Botani / Botanical Name	Nama Biasa / Common Name	Cone	Oblong	Pagoda	Spread	Round	Perlahan	Sederhana	Cepat	Berbunga Daun berwarna/ unik	Batang/ bark
12	<i>Ficus lyrata</i>	Fiddle-Leaf Fig		/				/			/	
13	<i>Garcinia subelliptica</i>	Happiness Tree	/					/			/	
14	<i>Gardenia carinata</i>	Kedah Gardenia		/				/			/	
15	<i>Gnetum gnemon</i>	Meninjau	/					/				
16	<i>Jacaranda obtusifolia</i>	Jacaranda		/				/			/	
17	<i>Leptospermum brachyandrum</i>	Weeping Tea Tree				/			/		/	/
18	<i>Mimusops elengi</i>	Bunga Tanjong					/	/			/	
19	<i>Myristica fragrans</i>	Buah Pala		/				/				
20	<i>Pisonia grandis Alba</i>	Lettuce Tree							/			/
21	<i>Plumeria rubra/ obtusa</i>	Kemboja				/			/		/	/
22	<i>Rhodamnia cinerea</i>	Mempoyan					/		/			
23	<i>Schefflera actinophylla</i>	Umbrella Tree		/					/			/
24	<i>Suregada multiflora</i>	False Lime Merlimau	/						/			

POKOK BERSAIZ (MATURED SIZE) SEDERHANA 15M – 45M

Jarak Penanaman Antara Pokok untuk Penanaman Jajaran Jalan = 8 - 10m

No	Spesies		Bentuk Pokok / Tree Form				Kadar Tumbesaran / Growth Rate		Special Botanical characteristics				
